



**JABATAN UKUR BANGUNAN
FAKULTI SENILUKIS PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

TITLE :

**“TAKING OFF”
“SUB-STRUCTURE”**

NAMA PELAJAR : MOHD LUTFI BIN MOHD HELMI

NOMBOR PELAJAR :

DIPLOMA UKUR BANGUNAN

**LAPORAN LATIHAN AMALI
OKTOBER 2005 – NOVEMBER 2005**



ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PRAKATA	1
PENGHARGAAN	2-4
LATAR BELAKANG SYARIKAT	5-23
ABSTRAK	24
Pengenalan kepada Tajuk Pengiraan Kuantiti Sub-Struktur	25-70
Pengenalan kepada Projek Proposed 3 RD Lane Widening Between Rawand and Tanjung Malim	71
1. Pengenalan Projek	71
2. Skop Kerja	72
3. Senarai Kuantiti	73-74
4. Lukisan Spesifikasi	75-79
5. Taking-off	80-109
KESIMPULAN	110
KOMEN DAN CADANGAN	111-112

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam buat Nabi Besar junjungan kita Nabi Muhammad S.W.T.

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapat juga saya menyiapkan dan menyempurnakan Latihan Amali dan Laporan Latihan Amali ini dimana bagi memenuhi keperluan Jabatan Ukur Bangunan yang mewajibkan setiap pelajar semester lima, Kursus Diploma Ukur Bangunan membuat laporan sebelum memasuki semester akhir.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pensyarah Ukur Bangunan khasnya bahagian koordinator Latihan Amali iaitu En. Mazlan B. Abu Bakar yang telah banyak membantu dalam menyediakan dan menyiapkan dokumen untuk penempatan para pelajar diploma ini di tempat latihan amali masing-masing.

Seterusnya ucapan terima kasih kepada semua kakitangan Syarikat Hati Muda cawangan Shah Alam terutamanya kakitangan di Jabatan Pembinaan iaitu En Shahabudin, En Azman, Pn Hazlinda, En Shaifuddin, En Khairul, En Mohd Rezza, En Azahari dan lain-lain lagi yang membantu saya bagi membolehkan saya menyiapkan laporan ini. Tidak lupa juga kepada pembantu-pembantu tadbir dan Jabatan Kewangan yang turut serta memberi tunjuk ajar dan pengetahuan kepada saya.

Tidak lupa juga kepada pensyarah Ukur Bangunan, Pn. Robiah Abd Rashid yang telah mengadakan lawatan di Majlis Bandaraya Shah Alam dan Pn. Suliahti Hashim selaku penyelia pemberi markah kepada laporan amali dan memeriksa serta memperbaiki laporan saya bagi menghasilkan laporan yang lebih baik.

Khas buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih yang tidak terhingga terutama sekali buat mereka yang telah bersama-sama membantu saya mencari dan berkongsi maklumat serta pengetahuan dalam hal yang berkaitan dengan penulisan laporan ini. Tidak lupa juga kepada mereka yang terlibat secara langsung mahupun sebaliknya dalam penghasilan laporan ini; hanya ucapan terima kasih yang mampu diberikan.

Semoga segala usaha ini mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah s.w.t. Harapan saya agar segala pengalaman dan pengajaran yang ditimba selama lima bulan ini dapat dimanfaatkan buat panduan saya di masa hadapan bagi melayakkan saya mengikuti Kursus Diploma Ukur Bangunan serta menepati kehendak-kehendak serta keperluan-keperluan Jabatan Ukur Bangunan sendiri. Akhir kata, segala yang baik dan sempurna datangnya dari Allah s.w.t dan yang buruk adalah berpunca dari kecuaiian saya sendiri.

Wassalam...

ABSTRAK

Pengukuran kuantiti bangunan adalah bertujuan untuk menghasilkan dokumen Senarai Kuantiti. Kuantiti yang dimaksudkan adalah anggaran amaun bahan dan buruh yang diperluakn untuk perlaksanaan sesuatu item kerja bagi sesebuah bangunan. Jumlah item kerja tersebut menunjukkan keperluan untuk menyiaokan sesuatu projek tersebut.

Senarai kuantiti juga dikenali sebagai Senarai Bahan iaitu satu dokumen yang disediakan oleh juruukur bahan berdasarkan lukisan dan spesifikasi yang disediakan oleh pereka bentuk sesuatu projek. Dokumen ini menyenaraikan kuantiti untuk setiap kerja di dalam urutan tertentu dan susunan dalam Kaedah Pengukuran Piawai yang diiktiraf untuk memudahkan Kontraktor menghargakan kerja-kerja yang terlibat.

Kegunaan Senarai Kuantiti termasuklah berfungsi sebagai dokumen tender, dokumen kontrak, menjadi asas penyediaan perakuan interim, asas penilaian kerja perubahan, membantu pengurusan kerja Kontraktor, asas maklum balas kepada Kontraktor dan menjadi punca data kos kepada Juruukur Bahan. Kandungan Senarai Kuantiti adalah seperti kehendak permulaan, Spesifikasi, kuantiti terukur, kuantiti sementara, wang kos prima, wang sementara dan wang luar jangka.